



## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 23 / 2021**

### **PERMOHONAN UNDI POS KATEGORI 1B (LUAR NEGARA) DAN 1C (9 AGENSI KESELAMATAN & KESIHATAN) BAGI PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRU DUN) SARAWAK KE-12**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan dan memberi peringatan berkenaan permohonan undi pos secara dalam talian bagi PRU DUN Sarawak ke-12, yang telah dibuka bermula **8 November 2021 sehingga 24 November 2021**.
2. Permohonan undi pos tersebut adalah untuk pengundi **kategori Borang 1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara), dan kategori Borang 1C (9 Agensi dalam Sektor Keselamatan & Kesihatan) sahaja**. Manakala permohonan untuk undi pos kategori Borang 1A (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media) akan dimaklum kelak.
3. Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian (online) melalui laman sesawang MySPR Daftar di pautan berikut <https://mysprdaftar.spr.gov.my/> atau di portal rasmi SPR iaitu <https://www.spr.gov.my/>. Pemohon dinasihatkan agar membuat

permohonan lebih awal bagi mengelakkan berlakunya sebarang isu atau kesulitan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh menghubungi Unit Pengurusan Undi Pos (UPUP) di talian 03-88927080 atau emel kepada [upup@spr.gov.my](mailto:upup@spr.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**DATUK IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 16 November 2021 / 11 Rabiulakhir 1443H